

Ah Lek tidak lagi

UM 30 AUG 2002

KUALA LUMPUR 29 Ogos — Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek hari ini digugurkan daripada menerajui Jawatankuasa Disiplin parti menjadikan krisis antara Kumpulan A dan B yang reda sebelum ini 'panas' kembali.

Keputusan tidak melantik semula Ah Lek yang menerajui Kumpulan B dibuat oleh Jawatankuasa Pusat (CC) parti dalam mesyuarat selama dua setengah jam dipengerusikan oleh Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik di Wisma MCA di sini.

Ia dijangka menimbulkan pergolakan terbaru dalam MCA kerana Kumpulan B menganggap sebarang perubahan jawatan melanggar prinsip pelan damai tajaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahukan status quo semua peringkat kepimpinan dikekalkan sehingga 2005.

Keputusan CC menyakiskan tempat Ah Lek diambil alih oleh Datuk Kam Woon Wah. Jawatankuasa Disiplin turut diisi dengan empat muka baru iaitu Datuk Dr. Wee Khoo Hock, Datuk Wong Seng Chow, Datuk Chan Kit Chee dan Wang Choon Wing.

Sebelum ini, anggota-

nya ialah Datuk Dr. Fong Chan Onn, Datuk Chua Jui Meng, Datuk Ong Tee Keat dan Datuk Dr. Ng Yen Yen. Jui Meng dan Tee Keat merupakan orang kanan Ah Lek.

Liong Sik pada sidang akhbar selepas mesyuarat CC itu berkata, perubahan dalam Jawatankuasa Disiplin MCA bukan

ketuai badan disiplin

keputusan peribadi beliau sebaliknya mendapat sokongan 38 daripada 41 anggota yang hadir.

Beliau yang mengetuai Kumpulan A menjelaskan, ini kerana CC berkehendakkan anggota Jawatankuasa Disiplin yang tidak ada kaitan dengan krisis parti yang berlarutan selama 16 bulan lalu.

Tegasnya, lima anggota baru terbabit yang semuanya veteran MCA itu diyakini mampu menguruskan hal disiplin parti serta bersikap berkecuali. "Perubahan kedudukan dalam Jawatankuasa Disiplin tidak bercanggah dengan pelan damai kerana matlamat pelan damai untuk mewujudkan progresif dan kestabilan dalam parti.

"Ia tidak bermakna MCA perlu statik sepanjang masa umpamanya pelantikan baru enam Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan MCA yang

kita tidak boleh menyekat hasrat muka-muka lama untuk bersara," katanya.

Enam pengerusi perhubungan tersebut ialah Datuk Chor Chee Heung (Perlis), Datuk Seri Ong Ka Ting (Selangor), Wong Kam Hoong (Pulau Pinang), Datuk Hon Choon Kim (Negeri Sembilan), Datuk Wira Poh Ah Tiam (Melaka) dan Datuk Dr. Chua Soi Lek (Johor).

Berfungsi

Dalam pada itu, Ah Lek ketika ditemui pemberita selepas mesyuarat itu menegaskan, Liong Sik tidak mengutamakan pelan damai dalam membuat keputusan berkaitan Jawatankuasa Disiplin.

Tegasnya, penggugurannya itu bermakna pelan damai yang diasaskan oleh Perdana Menteri tidak berfungsi.

Sedangkan, katanya, pelan damai yang mensyaratkan status quo di-

'melainkan ada keputusan dulu seperti pelantikan Senator yang mensyaratkan tempoh satu penggal sahaja."

Menurutnya, semua anggota Kumpulan B yang hadir mesyuarat itu membantah perubahan dalam jawatankuasa Disiplin 'tetapi kami tewas kepada undi'.

"Keputusan ini tidak mencerminkan perpaduan selepas pelan damai dan status quo dipersetujui sedangkan kita lihat pilihan raya umum semakin hampir mungkin tahun depan.

"Sebelum ini saya harap komuniti Cina akan menyokong MCA dan Liong Sik, namun (kerana keputusan CC hari ini) saya fikir banyak undi Cina akan terjejas," katanya.

Ditanya sama ada keputusan CC itu akan menghangatkan kembali krisis dalam MCA, Ah

"Itu saya tak tahu, saya harap 'mudah-mudahan kita kena kerjasama juga untuk hadapi pilihan raya umum akan datang."

MCA sebelum ini bersejaja mengekalkan status quo semua peringkat kepimpinan parti sebagai menyahut pelan damai Perdana Menteri yang mahu disegerakan pelaksanaan agenda kedamaian dan kestabilan dalam parti tersebut.

Pelan damai itu dilihat sebagai usaha untuk meredakan pertelingkahan Kumpulan A dengan Kumpulan B dalam parti.

Penyertaan Dr. Mahathir dalam menaja pelan damai MCA dibuat atas permintaan Liong Sik sendiri sebagai mengatasi kemelut dengan Kumpulan B membabitkan beberapa isu antaranya tuduhan terdapat ahli hantu dalam senarai 135,000 keanggotaan